


IQRA'

BIL. 10/2025
OKTOBER



Lawatan Kerja Perpustakaan Raja Ashman Shah, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) Ke Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Kedah.

Disediakan oleh: Hamidah Mohd, Pembantu Pustakawan Kanan
Tarikh : 21 Oktober 2025



Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah telah menerima kunjungan rasmi daripada 17 orang staf Perpustakaan Raja Ashman Shah, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) dalam satu program lawatan kerja. Lawatan ini bertujuan memperkukuh hubungan profesional serta menjadi platform perkongsian ilmu antara kedua-dua institusi. Program ini juga selaras dengan usaha memperluas rangkaian kerjasama strategik dalam bidang pengurusan perpustakaan moden serta amalan terbaik perkhidmatan maklumat.

Objektif utama lawatan ini adalah untuk memberi pendedahan menyeluruh kepada pihak USAS mengenai perkhidmatan, kemudahan dan teknologi terkini yang digunakan di Perpustakaan Sultan Badlishah. Antara fokus utama yang diketengahkan termasuk model operasi perpustakaan, inisiatif digital, pengurusan sumber elektronik, serta program pembangunan literasi maklumat yang dijalankan di PSB. Selain itu, sesi perbincangan turut memberi tumpuan kepada strategi peningkatan pengalaman pengguna, inovasi perkhidmatan, dan potensi pelaksanaan aktiviti penandaarasan (benchmarking) yang memberi manfaat bersama.

Lawatan ini turut disertai dengan sesi pembentangan dan perbincangan interaktif yang dikendalikan oleh wakil PSB, diikuti sesi lawatan sekitar fasiliti perpustakaan seperti ruang pembelajaran kolaboratif, bilik perbincangan, dan sudut teknologi maklumat. Program ini berjalan dengan lancar dan berjaya mencapai objektifnya, di samping memperkukuh jalinan kerjasama strategik antara UiTM dan USAS. Lawatan ini bukan sahaja menjadi medan perkongsian ilmu, tetapi juga simbol komitmen kedua-dua pihak dalam memperkasa budaya inovasi dan kecemerlangan perkhidmatan perpustakaan ke arah pembangunan akademik dan penyelidikan yang mampan.

BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:



03 5521 1704



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Korporat dan Kolaborasi,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UiTM Shah Alam.



library.uitm.edu.my